

SIJIL KELAHIRAN DAN KAD PENGENALAN



Kad Pengenalan
YTM Tunku Abdul Rahman Putra
Al-Haj ibni Almarhum Sultan Abdul
Hamid Halim Shah pada tahun 1959.

Oleh Nurzuliana Kamaruzaman

Tahukah anda, tanpa sijil kelahiran, kad pengenalan tidak akan diproses dan pastinya anda tidak akan memiliki sebarang dokumen pengesahan warganegara. Jika itu berlaku, anda akan turut berhadapan dengan pelbagai masalah dokumentasi seperti tidak akan diiktiraf sebagai warganegara dari mana-mana negara atau mungkin tidak dibenarkan mendaftar atau melanjutkan pelajaran di mana-mana institusi pendidikan.

Anda seumpama seorang pelarian atau pendatang asing. Melalui sijil kelahiran dan kad pengenalan yang sah, anda akan menikmati segala kemudahan dan keistimewaan yang disediakan oleh sesebuah negara. Sebagai contoh, jika anda mendapatkan rawatan di klinik atau hospital kerajaan, kadar bayaran untuk rawatan yang dikenakan kepada warganegara dan bukan warganegara adalah berbeza. Kadar bayaran untuk rawatan bagi bukan warganegara lebih mahal berbanding kadar bayaran untuk rawatan warganegara.

Di Malaysia, mengikut Peraturan 3, Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan 2007); setiap kanak-kanak yang telah mencapai umur 12 tahun dan bertaraf warganegara wajib mendaftar untuk mendapatkan kad pengenalan. Melalui akta yang sama juga, adalah menjadi kesalahan kepada mana-mana

pihak untuk memegang dan menyimpan kad pengenalan orang lain. Berikutan itu, hanya mereka yang diberikan kebenaran bertulis sahaja dibenarkan untuk memegang dan menyimpan kad pengenalan seseorang individu.

Di Malaysia, dokumen pengenalan diri bagi mencatatkan kelahiran telah mula diperkenalkan pada tahun 1881, iaitu Pulau Pinang merupakan negeri pertama di Tanah Melayu yang mendaftarkan kelahiran seorang individu bernama "Mat". Manakala pada pertengahan tahun 1948 ketika Tanah Melayu menghadapi ancaman komunis yang masuk dari Siam ke Tanah Melayu, penjajah Inggeris telah memperkenalkan skim kad identiti (kad pengenalan) melalui *Emergency [Registration Areas] Regulation 1948* yang dituluskan oleh Federal Executive Council pada 22 Julai 1948.

Skim ini diperkenalkan untuk menyekat kemasukan pengganas Siam ke Tanah Melayu selain digunakan sebagai bukti pengenalan diri rakyat Tanah Melayu untuk mendapatkan bantuan beras. Pada waktu itu, kad pengenalan ini juga dikenali sebagai "Kad Beras". Antara ciri yang ada pada kad ini termasuklah dalam bentuk kertas, gambar individu hitam putih, cap ibu jari kanan, dan mempunyai maklumat asal penduduk, namun tidak mempunyai taraf kerakyatan.


Pada 2 Ogos 1960, selaras dengan pembentukan Akta Pendaftaran Negara 1959 (Akta 78), kad pengenalan Persekutuan Tanah Melayu mula diperkenalkan. Urusan

pendaftaran kelahiran, kematian, kewarganegaraan, pengangkatan dan perkahwinan yang sebelum ini diuruskan oleh kerajaan negeri telah diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan Pendaftaran Negara Tanah Melayu. Di Sarawak, kad pengenalan telah diperkenalkan pada 30 Mac 1966 dan di Sabah pula pada 1 Jun 1972.

Dengan ciri keselamatan yang telah ditambah baik, kad pengenalan ini juga disaluti dengan plastik dan diproses dengan lebih sistematik. Penggunaan kad pengenalan berwarna untuk menentukan taraf kewarganegaraan seseorang individu juga diaplikasikan. Antara ciri lainnya, kad pengenalan ini mempunyai maklumat terperinci individu, gambar hitam putih, cap ibu jari kiri dan cap ibu jari kanan.

Pada bulan Ogos 1991, sekali lagi pembaharuan dibuat oleh Jabatan Pendaftaran Negara dengan memperkenalkan Kad Pengenalan Bermutu Tinggi (KPT) atau juga dikenali sebagai Kad Pengenalan Bunga Raya yang lebih berkualiti (kad berwarna dan bercorak bunga raya) dan mempunyai ciri keselamatan yang lebih canggih bagi membanteras masalah pemalsuan kad pengenalan.

Penghasilan kad pengenalan ini adalah melalui penggunaan rangkaian komputer yang lebih efisien dan dapat meningkatkan kecekapan serta keberkesanan dalam proses mengumpul data penduduk. Kad pengenalan ini juga dapat membendung masalah kewarganegaraan dan pendatang haram di Malaysia. Melalui sistem pendaftaran kad pengenalan baharu ini, setiap individu diberikan nombor identiti diri yang unik dan tidak sama dengan individu lainnya (merangkumi tarikh lahir, kod negeri kelahiran dan nombor unik individu) seperti yang berikut:



YTM Tunku Abdul Rahman menunjukkan kad pengenalan baharunya yang bernombor 0000001.



YTM Tunku Abdul Rahman sedang memerhatikan kerja memproses kad pengenalan selepas disalut.

2 OGOS
1960

Selaras dengan pembentukan Akta Pendaftaran Negara 1959 (Akta 78), kad pengenalan Persekutuan Tanah Melayu mula diperkenalkan.

Kad pengenalan bermutu tinggi ini telah dilancarkan oleh Perdana Menteri pada ketika itu, iaitu YAB Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad di Ibu Pejabat, Jabatan Pendaftaran Negara, Petaling Jaya pada 13 Ogos 1991, yang melibatkan perbelanjaan sebanyak 64 juta ringgit. Kad

pengenalan ini merupakan aplikasi dan pengeluaran kad pengenalan termoden negara pada ketika itu, manakala pada tahun 1999, kad pengenalan ini ditambah baik dengan penggunaan gambar individu berwarna bagi menggantikan gambar hitam putih.

Selaras dengan teknologi semasa yang pesat membangun, sekali lagi Jabatan Pendaftaran Negara telah melancarkan Kad Pintar Pelbagai guna yang juga dikenali sebagai MyKad. Definisi "My" merujuk alamat internet Malaysia

dan "Kad" bermaksud Kad Akaun Diri. Pelancaran kad pintar ini telah disempurnakan oleh Perdana Menteri pada ketika itu, iaitu YAB Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, di Pusat Dagangan Dunia Putra pada 5 September 2011.

MyKad merupakan kad pintar yang menggabungkan pelbagai fungsi seperti kad pengenalan, aplikasi lesen memandu, maklumat pasport, maklumat asas kesihatan, kad transit, MEPS tunai, kad ATM, *Frequent Travellers Card* (FTC) dan capaian kepada Prasarana Kekunci Awam (PKI), iaitu pemegang MyKad boleh menggunakannya sebagai alat urus niaga e-dagang. MyKad atau kad pintar pelbagai guna kerajaan merupakan kad pengenalan pintar pelbagai guna pertama di dunia yang melibatkan aplikasi kerajaan dan swasta dalam satu kad yang menjadi kebanggaan negara kita. 

PERISTIWA BERSEJARAH BULAN APRIL



30 APRIL

Sebuah pusat kesihatan di Nibong Tebal telah dibuka dengan rasminya oleh Kaunselor Negeri-negeri Selat, Encik K. Hoffer.


1954



22 APRIL

Perasmian Masjid Bukit Bendera, Pulau Pinang oleh Yang Terutama Raja Tun Uda Al-Haj, Gabenor Pulau Pinang.

1966



28 APRIL

Kabinet Malaysia meluluskan penubuhan Lembaga Pemandahan (Migration Board) Sabah bagi mengatasi masalah buruh di negeri tersebut.

1966



24 APRIL

Satu Perhimpunan dan perkhemahan anggota Pandu Puteri Malaysia diadakan di Maktab Latihan Harian, Jalan Kuantan, Kuala Lumpur.

1967




8 APRIL

Satu istiadat yang gilang-gemilang dilangsungkan di Istana Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, sempena Pertabalan DYMM Tunku Jaafar ibni Almarhum Tunku Abdul Rahman sebagai Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan yang ke-9.


1968



Orang ramai berpusu-pusu di Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Selangor di Bangunan Sulaiman, Kuala Lumpur pada 1.2.1961 untuk menukar kad pengenalan kertas kepada kad.



Surat arahan penyimpanan surat beranak untuk kemudahan pendaftaran persekolahan pada tahun sebelum merdeka 1956.



Sijil baharu warganegara Malaysia bernombor 000001 dikeluarkan kepada Encik Cheuk Ming To, yang tinggal di Jesselton, Sabah.



13 APRIL

Menteri Kesihatan, YB Tun Sardon Jubir merasmikan Kursus Lanjutan Pediatrik yang telah diadakan di Sekolah Latihan Jururawat, Hospital Besar Kuala Lumpur.



21 APRIL

Skim Perumahan Pekerja-pekerja Ladang yang pertama sekali di Kedah telah dilancarkan oleh Menteri Besar YAB Datuk Seri Syed Ahmad Shahabuddin, di Ladang Batu Pekaka, Kuala Ketil, Kedah.



7 APRIL

Bangunan Baru Polyscience Kota Bharu dirasmikan pembukaannya oleh Menteri Kewangan Malaysia, Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah.



19 APRIL

Seminar Wanita Islam Asia Tenggara dilangsungkan di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor yang dianjurkan oleh Pertubuhan Belia Islam Sedunia (WAMY).



23 APRIL

Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dianugerahkan Kunci Kota Colombo yang melambangkan penghormatan Sri Lanka kepada Malaysia.

1971

1978

1979

1983

1983